

Pasir Puteh: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan menahan 23 kru dan tekong warga Vietnam selain merampas dua bot milik mereka kerana mencero boh perairan negara.

Kesemua mereka ditahan pada kedudukan 160 hingga 162 batu nautika dari muara Tok Bali menerusi Op Damai, Op Naga dan Op Tiris pada Sabtu lalu.

Menerusi serbuan berkeenaan, selain dua bot, Maritim Malaysia turut merampas 1,000 kilogram (kg) hasil laut, peralatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan komunikasi serta 2,500 liter diesel yang bernilai hampir RM3 juta.

Pengarahnya, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi, berkata kedua-dua bot berkenaan dikesan dalam keadaan yang mencurigakan jam 11 pagi sebelum bot pertama ditahan lebih kurang 11.28 pagi diikuti bot kedua pada 12.14

23 kru, tekong warga Vietnam ditahan APMM Kelantan

HA 20/03/24 ml 6



ERWAN Shah (berdiri kanan) menunjukkan 23 nelayan Vietnam serta tekong warga Vietnam yang ditahan. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

tengah hari.

“Kedua-dua bot berkenaan pada awalnya tidak memberikan kerjasama dan cuba melarikan diri ke sempadan perairan negara apabila penguat kuasa APMM memberikan ara-

han untuk menghentikan bot.

“Melihat keadaan berlarutan, kapal APMM bertindak memintas bot untuk menghentikan bot berkeenaan.

“Hasil pemeriksaan

mendapati bot pertama dan kedua mempunyai keseluruhan 23 orang terdiri daripada kru dan tekong kapal dan kesemua mereka warga Vietnam berusia antara 16 hingga 55 tahun,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Katanya, kesemua bot disyaki melakukan aktiviti perikanan secara haram di perairan negara dan akan disiasat mengikut Seksyen 15 (1)(a) kerana gagal memamerkan sebarang dokumen kebenaran menangkap ikan di perairan Malaysia.

“Kesemua kru juga akan disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal memamerkan dokumen pengenalan diri yang sah,” katanya.